

# Wanita MCA W. Persekutuan sokong guna Bahasa Inggeris

UM 14 SEP 2002

Oleh HAIRULAZIM MAHMUD

KUALA LUMPUR 13 Sept. — Wanita MCA Wilayah Persekutuan hari ini mengeluarkan kenyataan yang bertentangan dengan pendirian rasmi parti apabila menyokong pelaksanaan pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dimulakan di peringkat sekolah rendah.

Timbalan Pengerusi Biro Strategiknya, Tai Sim Yew berkata, pengenalan dasar itu tidak akan menghapuskan identiti sesuatu kaum termasuk Cina.

Sebaliknya, tegas beliau, pengenalan bahasa antarabangsa itu ke dalam kedua-dua subjek itu akan memberi peluang yang lebih luas kepada para pelajar untuk mendalami ilmu Sains dan Matematik.

“Oleh itu, langkah mengajar kedua-dua

subjek itu dalam bahasa Inggeris bermula di sekolah rendah lagi adalah tepat.

“Ini kerana kita tidak perlu melambatkan proses pembelajaran murid-murid untuk menguasai bahasa Inggeris dengan memulakan dasar baru itu di sekolah menengah,” katanya.

## ● Majlis Guru Besar desak kerajaan bertegas laksanakan BI — Muka 9

Beliau menyatakan demikian kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini sebagai mengulas laporan mengenai ketetapan parti-parti yang mewakili kaum Cina dalam Barisan Nasional (BN) termasuk MCA sebelum ini.

Semalam, laporan muka depan *Utusan Malaysia* yang memetik sumber dari MCA berkata, parti-parti yang berkepentingan kaum Cina iaitu MCA, Gerakan, Parti Ber-

satu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP) tidak bersetuju dengan pelaksanaan dasar baru itu.

Menurut sumber berkenaan, parti-parti tersebut hanya bersetuju pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dimulakan di peringkat sekolah menengah dan bukan di sekolah rendah.

Sumber MCA itu berkata lagi, kata sepakat yang dicapai oleh parti-parti BN kaum Cina ialah pengajaran Sains dan Matematik hendaklah dikekalkan dalam bahasa ibunda masing-masing seperti yang diamalkan sekarang di sekolah Cina, Tamil dan Kebangsaan.

Pendirian parti-parti itu naupaknya tidak berubah walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum

■ Lihat muka 4

# Wanita MCA W. Persekutuan sokong guna Bahasa Inggeris

UM 14 SEP 2002

ini meminta semua pihak menerima baik pelaksanaan dasar itu demi kepentingan negara.

Malah dalam pertemuan dengan ahli-ahli pendidik Cina baru-baru ini, Dr. Mahathir mengingatkan bahawa mereka perlu menerima hakikat bahawa sekolah Cina di Malaysia tidak boleh dan tidak akan sama dengan sekolah Cina di Tanah Besar China.

Beliau menegaskan bahawa sekolah Cina untuk kaum itu di Malaysia perlu menerima perkara-perkara yang dianggap ‘kebangsaan’ bagi negara ini kerana mereka bukannya rakyat China, Taiwan ataupun Singapura.

Mengulas lanjut, Sim Yew berkata, bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar utama di kalangan masyarakat antarabangsa masa kini.

Katanya, dengan penguasaan bahasa Inggeris melalui kedua-dua subjek itu, ia akan membolehkan rakyat Malaysia menguasai kemajuan sains dan teknologi dengan mudah.

Dalam pada itu, beliau berkata, bahasa Inggeris boleh dijadikan sebagai batu loncatan untuk menguasai ilmu di seluruh dunia yang pada ketika ini menggunakan bahasa berkenaan.

“Dalam dunia globalisasi tanpa sempadan masa kini, kita perlu menggunakan bahasa Inggeris sebagai batu loncatan bagi menguasai ilmu yang sebahagian besarnya menggunakan bahasa antarabangsa itu,” katanya.